



**MENTERI HAL EHWAL EKONOMI**

**KENYATAAN MEDIA**

**KEMALANGAN MELIBATKAN ANGGOTA PKNS DI TURKI**

Saya telah menerima berita kemalangan yang melibatkan sebuah bas yang dinaiki oleh seramai 35 orang rakyat Malaysia yang mana sebahagianya terdiri daripada anggota Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) yang sedang melancong.

Saya dukacita dengan laporan awal bahawa seorang rakyat Malaysia yang juga merupakan anggota PKNS telah meninggal dunia dalam kemalangan tersebut sementara 10 orang lagi mengalami kecederaan.

Saya mengucapkan takziah buat keluarga mangsa kemalangan dan keluarga besar PKNS atas kehilangan tersebut. Semoga mereka dikurniakan kesabaran dan ketabahan untuk menerima ketentuan Allah SWT. Saya juga mendoakan supaya mangsa lain segera sembuh dan selamat.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Kedutaan Malaysia di Turki serta pihak berkuasa tempatan atas bantuan segera yang disampaikan kepada rakyat Malaysia dan keluarga yang terlibat.

**DATO' SERI MOHAMED AZMIN ALI**

**Menteri Hal Ehwal Ekonomi**

**17 Oktober 2019**